

(14 MAC 2021) Sinar Harian, p. 10

Tiga lagi kematian akibat Covid-19

Sebanyak 162 kes dirawat di ICU dengan 70 kes memerlukan bantuan pernafasan

Oleh MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD KHALID

SHAH ALAM

Malaysia merekodkan 1,470 kes baharu Covid-19 pada Sabtu menjadikan jumlah kumulatif adalah sebanyak 322,409 kes dengan 16,711 kes aktif, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, kes sembuh pula adalah sebanyak 1,830 kes menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh dalam negara adalah 304,492 kes.

“Daripada kes baharu hari ini (Sabtu), ia melibatkan 1,458 kes tempatan iaitu 1,099 warganegara dan 359 bukan warganegara manakala 12 lagi adalah



DR NOOR HISHAM

kes import,” katanya dalam kenyataan mengenai perkembangan Covid-19 pada Sabtu.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham turut memaklumkan, Selangor masih melaporkan kes harian tertinggi iaitu sebanyak 551 kes, diikuti Sarawak (222 kes) dan Pulau Pinang (178 kes).

Sementara itu, sebanyak 162 kes dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 70 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Dr Noor Hisham berkata, tiga kematian yang direkodkan pada Sabtu kesemuanya melibatkan warga tempatan dengan masing-masing satu kes di Selangor, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan Terengganu.

Beliau berkata, sebanyak dua lagi kluster baharu dikenal

pasti melibatkan kluster berkaitan tempat kerja.

“Kluster tempat kerja diketahui di Johor iaitu Jalan Mega Cemerlang dan satu lagi di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur iaitu Jalan Pria,” katanya.

Tegasnya, ini menjadikan jumlah kluster aktif kini 426 kluster dengan 52 daripadanya mencatatkan pertambahan kes baharu pada Sabtu.

“Kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada Sabtu adalah Kluster Tapak Bina, Jalan Salak (73 kes), Kluster Lintang, Bayan Lepas (56 kes) dan Kluster Tembok, Tapah (49 kes),” katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari
13 Mac 2021

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia

Perlis 320 +29

Kedah 7,833 +13

P. Pinang 13,278 +178

Perak 12,241 +72


Selangor 108,419 +551

KL & Putrajaya 37,466 +162

N. Sembilan 16,681 +6

Melaka 6,169 +2

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 320,939 kes kepada 322,409 kes



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN: 322,409 | PULIH: 304,492 | ICU: 162 | KEMATIAN: 1,206 | KES BAHARU: +1,470

